

29 OCT 1996

Jerman - Keretapi

BANTUAN JERMAN BAGI PROJEK KERETAPI TRANS-ASIA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Jerman berminat membantu Malaysia menyelaraskan dan melaksanakan Rangkaian Keretapi Trans-Asia.

Menteri Pengangkutanannya, Matthias Wissmann hari ini berkata Jerman terbuka bagi "perbincangan dan bertukar-tukar pendapat" bagi memastikan kejayaan projek itu.

"Jerman sedia menawarkan kepakaran, sokongan dalam bentuk kerjasama teknologi dan kajian pembiayaan kerana yang penting ialah untuk menghubungkan Asia dengan Eropah melalui rangkaian keretapi," kata beliau selepas menemui para pegawai Kementerian Pengangkutan di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, selaku pemangku Menteri Pengangkutan.

Rangkaian keretapi Asia-Eropah itu telah dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan pertama para pemimpin Asia dan Eropah di Bangkok pada Mac lepas.

Wissmann berkata Jerman telah membantu memajukan rangkaian keretapi Trans-Eropah dan rangkaian keretapi Asia dan Eropah diharapkan dapat dihubungkan "setapak demi setapak".

Mengenai lawatan lima harinya ke Malaysia, Wissmann berkata berikutan perkembangan pesat industri maritim dan keretapi di Malaysia, negara ini mempunyai potensi untuk muncul sebagai kuasa utama dalam kedua-dua sektor.

Beliau berharap Perjanjian Perkapalan Maritim dapat digubal secepat mungkin dan bahawa bagi membolehkan kedua-dua pihak memulakan operasi perkapalan dan menyesuaikan dengan keadaan masa kini.

Rundingan pusingan pertama bagi perjanjian perkapalan diadakan di sini bulan lepas dan mesyuarat susulan akan diadakan oleh pegawai dari kedua-dua pihak, katanya.

Dalam kenyataan akhbar bersama, Malaysia dan Jerman berkata kedua-dua pihak bersetuju supaya perjanjian perkapalan yang dicadangkan hendaklah berdasarkan prinsip kepentingan bersama bagi perkhidmatan perkapalan dan pengikhtirafan timbal-balas dalam aspek teknikal bagi hal perkapalan dan maritim.

"Ia menyebut bahawa perjanjian berkenaan akan memupuk perkhidmatan pengangkutan maritim dan perdagangan antara kedua-dua negara dan bahawa pegawai dari agensi kerajaan berkaitan meneruskan rundingan bagi menghasilkan perjanjian yang diterima bersama," menurut kenyataan itu.

Ia juga menarik perhatian bahawa Malaysia dan Jerman bersetuju memberi perhatian kepada hasil rundingan mengenai perjanjian yang diadakan di Kuala Lumpur bulan lepas. -- BERNAMA

ARA FAZ